

## BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

NAMA :

KELAS :

Lengkapkan ayat dengan perkataan yang betul.

**Sate! Sate! Sate!**

Sate ialah makanan yang menjadi kesukaan ramai. Tahukah anda keenakannya bukan sahaja terletak pada resepi istimewa yang diwarisi turun-temurun, tetapi juga cara sate itu dibakar.

|        |       |       |      |       |        |
|--------|-------|-------|------|-------|--------|
| bawang | kipas | arang | sate | dapur | minyak |
|--------|-------|-------|------|-------|--------|

1



Gunakan ..... bakau  
yang berkualiti

2



Nyalakan api dengan menggunakan  
.....

3



Serakkan bara supaya sama rata di atas  
.....

4



Terbalikkan .....  
berulang kali supaya masak rata.

5



Gunakan ..... untuk mengawal bara.

6



Sate enak dimakan dengan timun, kuah kacang dan .....

### LATIHAN TATABAHASA.

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai.

1. Anggota itu melontarkan se..... bom tangan ke arah kubu musuh.

- A. ketul
- B. butir
- C. kepal

2. Selepas makan beberapa.....nangka, emak berasa sakit perut.

- A. utas
- B. helai
- C. ulas

3. Beberapa ..... sungai di negara ini telah tercemar.

- A. batang
- B. baris
- C. buah

4. Ibu menjahit baju yang koyak itu dengan se..... benang.

- A. ulas
- B. utas
- C. urat

5. Aina menempah se..... baju kurung untuk dipakai pada Hari Raya Aidilfitri nanti.

- A. pasang
- B. papan
- C. kuntum

6. Beberapa ..... pemuda telah menyertai pasukan sukarelawan itu.

- A. pasang
- B. orang
- C. kawan

7. Maira melanggan se..... Majalah Pelajar setiap bulan.

- A. lembar
- B. naskhah
- C. keping

8. Aleeya membawa se..... payung ketika pergi ke pasar.

- A. kaki
- B. batang
- C. pucuk

9. Puan Habibah memasukkan beberapa ..... bawang ke dalam masakannya itu.

- A. potong
- B. hiris
- C. urat

10. Cik Nancy membeli beberapa ..... jagung mentah untuk dibuat bubur.

- A. batang
- B. cekak
- C. tongkol